

BAB II

HUKUM PERKAHWINAN DI INDONESIA

Pada bab sebelumnya telah dijelaskan bahwa sebelum tahun 1974 Negara Indonesia mempunyai pelbagai undang-undang yang memperuntukkan tentang perkahwinan warga Indonesia, di antaranya Kitab Undang-undang Hukum Perdata atau *Burgelijk Wetboek* (BW) yang diperuntukkan bagi orang-orang Eropah, warganegara Indonesia keturunan Eropah dan yang disamakan dengan mereka, orang-orang Timur Asing Cina, dan warganegara Indonesia keturunan Cina; Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian atau *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCl) 1933 No. 74 yang diperuntukkan bagi golongan penduduk Indonesia yang beragama Kristian; Hukum Islam yang telah *di-resipir* dalam hukum adat yang diperuntukkan bagi golongan penduduk Indonesia asli yang beragama Islam; Hukum Adat yang diperuntukkan bagi orang-orang Indonesia asli; Peraturan Perkahwinan Campuran atau *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR) Staatsblad 1898 No.158; dan Hukum Adat orang-orang Timur Asing lainnya diperuntukkan bagi mereka dan warganegara Indonesia keturunan mereka.

Namun sejak wujudnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan yang dikuatkuasakan pada 2 Januari 1974 dan berkuat kuasa secara efektif pada 1 Oktober 1975, pelbagai undang-undang yang memperuntukkan tentang perkahwinan warganegara Indonesia dinyatakan tidak berkuat kuasa lagi sejauh telah diperuntukkan oleh UU No. 1 Tahun 1974. Sebagai gantinya, pada seksyen 2 (1) dinyatakan bahawa sahnya sebuah perkahwinan bergantung pada hukum masing-masing agama dan kepercayaannya orang yang akan berkahwin. Hal ini juga bererti bahawa undang-undang dan pelbagai peraturan sebelumnya masih dapat diguna pakai jika UU No. 1 Tahun 1974 tersebut tidak memperuntukkannya.

Di sisi yang lain, Islam sebagai agama majoriti masyarakat di Indonesia mempunyai peraturan yang sedikit berbeza dengan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 ini, sama ada berbeza dari segi luasnya pembahasan tentang perkahwinan mahupun sumber pengambilan hukumnya.

Oleh itu, dalam bab ini, pembahasan lebih diarahkan pada tinjauan teoretis hukum perkahwinan yang terdapat di dalam Undang-undang Perkahwinan di Indonesia dan hukum perkahwinan Islam. Pembahasan pada bab ini juga menjadi pijakan huraian pada bab-bab selanjutnya.

2.1 Undang-undang Perkahwinan di Indonesia dan Hukum Perkahwinan Islam

Sebelum membahaskan mengenai perkahwinan secara lebih terperinci, perlu sekiranya terlebih dahulu dijelaskan mengenai apa yang dimaksudkan dengan undang-undang perkahwinan di Indonesia dan hukum perkahwinan Islam. Undang-undang perkahwinan yang dimaksudkan di dalam pembahasan ini adalah segala perkara dalam bentuk peraturan yang dapat dan dijadikan petunjuk oleh umat Islam dalam hal ehwal perkahwinan dan dijadikan pedoman hakim di lembaga mahkamah agama di Indonesia dalam memeriksa dan memutuskan perkara perkahwinan orang Islam.¹

Di Indonesia, sejak selepas kemerdekaan wujud pelbagai peraturan perundangan yang berhubung kait dengan perkahwinan orang Islam, di antaranya adalah:

- a. Undang-undang No. 32 Tahun 1954 tentang Penetapan Berkuat kuasanya Undang-undang Republik Indonesia bertarikh 21 November 1946 No. 22 Tahun 1946 tentang Pencatatan Nikah, Talak, dan Rujuk di seluruh daerah Luar Jawa dan Madura. Undang-undang ini hanya setakat

¹ Amir Syarifuddin (2009), *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia: Antara Fiqh Munakahat dan Undang-undang Perkawinan*. Jakarta: Kencana, hlm. 20.

memperuntukkan tentang pencatatan nikah, talak, dan rujuk. Jadi, ianya tidak memperuntukkan mengenai perkahwinan secara umum.

- b. Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, yang merupakan hukum material daripada perkahwinan, dengan sedikit membahaskan hukum acaranya.²
- c. Peraturan Pemerintah No. 9 Tahun 1975 tentang Pelaksanaan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Kandungan Peraturan Pemerintah (PP) ini hanya berupa pelaksanaan dari beberapa peraturan yang terdapat di dalam UU No. 1 Tahun 1974.
- d. Undang-undang No. 7 Tahun 1989, dan telah dipinda dengan Undang-undang No.3 Tahun 2006 tentang Peradilan Agama. Sebahagian daripada materi undang-undang ini mengandungi aturan yang mempunyai hubungan kait dengan tata cara (hukum formal) penyelesaian sengketa perkahwinan di Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah)³.

Di samping peraturan perundangan negara yang telah disebutkan di atas, di Indonesia juga terdapat peraturan yang berupa Instruksi Presiden, di mana ianya telah dijadikan secara efektif oleh hakim di Mahkamah Syariah (baca: Pengadilan Agama) sebagai pedoman⁴ yang harus diikuti dalam penyelesaian perkara perkahwinan, iaitu Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang penyebarannya dilakukan melalui Instruksi Presiden (INPRES) No. 1 Tahun 1991, yang kemudian diikuti dengan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 154 Tahun 1991 tentang Pelaksanaan Instruksi

² Hukum material yang dimaksudkan di sini adalah peraturan perundangan yang menjelaskan tentang isi kandungan suatu perkara undang-undang, misalnya sahaja UU perkahwinan, maka hukum materinya adalah perkara-perkara yang berhubung kait dengan perkahwinan sahaja. Sedangkan yang dimaksudkan hukum acara atau biasa disebut juga hukum formal adalah peraturan perundangan yang menjelaskan tentang tata cara pengurusan suatu perkara ke hadapan mahkamah demi menegakkan hukum material dalam kehidupan sosial masyarakat.

³ *Ibid.*, hlm. 20-21. Bandingkan dengan Khoiruddin Nasution (2007), *Pengantar dan Pemikiran Hukum Keluarga (Perdata) Islam di Indonesia*. Yogyakarta: Academia+Tazzafa, hlm. 151-152.

⁴ Penggunaan kata “pedoman” dalam Kompilasi Hukum Islam dapat kita temukan pada mukadimahnyanya huruf b. Kata-kata dapat dipergunakan sebagai pedoman menunjukkan bahawa Kompilasi Hukum Islam tidak mengikat secara *imperatif*. Oleh kerana itu para pihak dapat menjalankannya dan dapat pula meninggalkannya sesuai dengan keperluannya.

Presiden Republik Indonesia No. 1 Tahun 1991 dan Surat Edaran DirbinPera No. 3694/EV/HK.00.3/AZ/91 tentang penyebaran INPRES No. 1 Tahun 1991.⁵

Kompilasi Hukum Islam merupakan rumusan hukum Islam (fikah) yang bercirikan ke-Indonesia-an dan bersifat kontemporer. Idea pembentukan kompilasi ini muncul sekitar tahun 1985, yaitu setelah wujudnya kesepakatan antara Mahkamah Agung dan Menteri Agama dalam memberikan kepastian hukum bagi orang Islam di lingkungan Mahkamah Syariah (baca: Peradilan Agama). Namun demikian, saat ini Kompilasi Hukum Islam dianggap tidak lagi mencerminkan realiti sebenar kehidupan warga Indonesia dan masih bercorak fikah klasik. Sehingga ianya mendapatkan *counter* daripada pelbagai pihak mengenai isi hukum di dalamnya.⁶ Meskipun tidak dapat dinafikan bahawa KHI juga tidak dapat memaksa hakim di Pengadilan Agama atau setiap warga negara untuk mentaati dan melaksanakan ketentuan hukumnya. Kerana bagaimanapun juga, ianya hanyalah merupakan sebuah instruksi presiden sebagai lembaga eksekutif di Indonesia di mana kekuatan hukumnya hanya boleh berlaku pada wilayah lembaganya sahaja dan tidak dapat diperuntukkan pada lembaga lainnya, seperti mahkamah. Hal ini sebagaimana diperuntukkan seksyen 24 (1) UUD 1945 dan seksyen 1 UU No. 4 Tahun 2004 tentang Kekuasaan Kehakiman bahawa hakim adalah

⁵ Selain daripada peraturan perundangan inti mengenai perkahwinan di atas, terdapat juga peraturan penyokong lainnya, di antaranya Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung dan Menteri Agama No. 07/KMA/1985 dan No. 25 Tahun 1985 tentang Penunjukan Pelaksana Projek Pembangunan Hukum Islam Melalui Yurisprudensi, Peraturan Menteri Agama (PMA) No. 3 Tahun 1975 tentang Kewajiban Pegawai Pencatat Nikah dan Tata Kerja Pengadilan Agama, Peraturan Menteri Agama (PMA) No. 4 Tahun 1975 tentang Contoh-contoh Akta Nikah, Talak, Cerai, dan Rujuk, Peraturan Menteri Dalam Negeri No. 221a Tahun 1975 tentang Pencatatan Perkawinan dan Perceraian pada Kantor Catatan Sipil. Lihat Khoiruddin Nasution (2007), *Op.Cit.*, hlm. 151-152.

⁶ Isu *counter* terhadap KHI muncul seiring dengan wujudnya perdebatan mengenai PP No. 10 Tahun 1983 tentang Izin Perkahwinan dan Perceraian bagi Pegawai Negeri Sipil (PNS). Isu ini muncul kerana menganggap bahawa ketentuan dalam KHI banyak yang bercanggah dengan prinsip-prinsip kesetaraan (*al-musawah*), keadilan, kemaslahatan, kepelbagaian, dan demokrasi. Salah satunya adalah mengenai larangan kahwin beza agama. Akhirnya, isu yang muncul pada masa reformasi ini melahirkan sebuah *draft* (rancangan) perbaikan terhadap KHI oleh tim yang dibentuk Departemen Agama Republik Indonesia di bidang perkahwinan, di mana ianya berjumlah 23 bab dan 150 seksyen. Selain itu ada pula draf yang merupakan hasil kajian dan penelitian Tim Pengarusutamaan Gender (PUG) Departemen Agama Republik Indonesia, yang kemudian dikenal sebagai “Counter Legal Drafting” (CLD) Kompilasi Hukum Islam. Namun demikian, perdebatan mengenai isu ini belum menghasilkan sebuah undang-undang yang dapat dijadikan payung hukum. Lihat Moh. Zahid (1994), “Dua Dasawarsa Undang-undang Perkawinan”, *Jurnal Studi dan Informasi Keagamaan*, Badan Penelitian dan Pengembangan Agama Depag, No. 39, Th. XVIII, Maret 1994, hlm. 33-40. Bandingkan dengan Khoiruddin Nasution (2007), *Op. Cit.*, hlm. 144-150.

pelaksana kekuasaan kehakiman dan bukan eksekutif seperti Presiden, dan pelaksana kehakiman adalah lembaga yudikatif yang merdeka. Oleh itu, Pengadilan Agama dan Pengadilan Tinggi Agama bukan institusi pemerintah, sehingga ia bukan termasuk lembaga yang diberi instruksi oleh Presiden. Dan ianya juga dijelaskan secara tegas dalam seksyen 4 (3) UU No. 4 Tahun 2004 bahawa pihak-pihak di luar Kekuasaan Kehakiman tidak boleh masuk campur dalam hal yang berkaitan dengan mahkamah.⁷

Selain daripada itu, pengesahan Kompilasi Hukum Islam dengan menggunakan Instruksi Presiden No.1 Tahun 1991 dan tidak menggunakan undang-undang menyebabkan Kompilasi Hukum Islam bersifat tidak mengikat (*fakultatif*). Kerana bagaimanapun juga, Instruksi Presiden (INPRES) tidak termasuk dalam tata urutan peraturan perundangan di Indonesia yang ditetapkan dalam TAP MPRS No. XX/MPRS/1966 *juncto* TAP MPR No. V/MPR/1973. Oleh kerana sifat dan posisi Kompilasi Hukum Islam dalam tata urutan perundangan Indonesia tersebut, maka dalam praktik, orang yang mengesampingkan Kompilasi Hukum Islam tidak dapat dipersalahkan telah melanggar hukum.

Daripada peraturan perundangan tentang perkahwinan di atas, secara ringkas dapat dijelaskan bahawa isinya mengandungi beberapa hal, di antaranya adalah:

Di dalam Undang-undang No.1 Tahun 1974 tentang perkahwinan mengandungi beberapa perkara mengenai perkahwinan dan perceraian, iaitu:

- Bab I : Dasar Perkahwinan (seksyen 1 s/d 5);
- Bab II : Syarat-syarat Perkahwinan (seksyen 6 s/d 12);
- Bab III : Pencegahan Perkahwinan (seksyen 13 s/d 21);
- Bab IV : Batalnya Perkahwinan (seksyen 22 s/d 28);
- Bab V : Perjanjian Perkahwinan (seksyen 29);
- Bab VI : Hak dan Kewajiban Suami Isteri (seksyen 30 s/d 34);

⁷ M. Karsayuda (2006), *Perkawinan Beda Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam*. Yogyakarta: Total Media Yogyakarta, hlm. 114-115. Lihat juga Abdurrahman (1992), *Kompilasi Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Akademika Pressindo, hlm. 31-33.

- Bab VII : Harta Benda dalam Perkahwinan (seksyen 35 s/d 37);
- Bab VIII : Putusnya Perkahwinan serta Akibatnya (seksyen 38 s/d 41);
- Bab IX : Kedudukan Anak (seksyen 42 s/d 44)
- Bab X : Hak dan Kewajipan antara Orang Tua dan Anak (seksyen 45 s/d 49);
- Bab XI : Perwalian (seksyen 50 s/d 54);
- Bab XII : Ketentuan Umum yang terdiri daripada empat bahagian:
- Bahagian pertama : Pembuktian Asal Usul Anak (seksyen 55),
 - Bahagian kedua : Perkahwinan di Luar Indonesia (seksyen 56),
 - Bahagian ketiga : Perkahwinan Campuran (seksyen 57 s/d 62),
 - Bahagian keempat : Pengadilan (seksyen 63);
- Bab XIII : Ketentuan Peralihan (seksyen 64 s/d 65); dan
- Bab XIV : Ketentuan Penutup (seksyen 66 s/d 67).⁸

Di dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) mengandungi perkara perkahwinan, perceraian, waris dan wakaf. Di mana perkara perkahwinan dan perceraian dijelaskan pada Buku I KHI, perkara waris pada Buku II KHI, dan perkara wakaf pada Buku III KHI. Di dalam Buku I KHI mengandungi isi sebagai berikut:

- Bab I : Ketentuan Umum (seksyen 1);
- Bab II : Dasar-dasar Perkahwinan (seksyen 2 s/d 10);
- Bab III : Peminangan (seksyen 11 s/d 13);
- Bab IV : Rukun dan Syarat Perkahwinan (seksyen 14 s/d 29);
- Bab V : Mahar (seksyen 30 s/d 38);
- Bab VI : Larangan Kahwin (seksyen 39 s/d 44);
- Bab VII : Perjanjian Perkahwinan (seksyen 45 s/d 52);
- Bab VIII : Kahwin Hamil (seksyen 53 s/d 54);

⁸ Lihat Undang-undang No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan.

- Bab IX : Beristeri Lebih dari Satu Orang (seksyen 55 s/d 59);
- Bab X : Pencegahan Perkahwinan (seksyen 60 s/d 69);
- Bab XI : Batalnya Perkahwinan (seksyen 70 s/d 76);
- Bab XII : Hak dan Kewajiban Suami Isteri (seksyen 77 s/d 84);
- Bab XIII : Harta Kekayaan dalam Perkahwinan (seksyen 85 s/d 97);
- Bab XIV : Pemeliharaan Anak (seksyen 98 s/d 106);
- Bab XV : Perwalian (seksyen 107 s/d 112);
- Bab XVI : Putusnya Perkahwinan (seksyen 113 s/d 148);
- Bab XVII : Akibat Putusnya Perkahwinan (seksyen 149 s/d 162);
- Bab XVIII : Rujuk (seksyen 163 s/d 169); dan
- Bab XIX : Masa Berkabung (seksyen 170).⁹

Isi Undang-undang No. 22 Tahun 1946 tentang Pencatatan Perkahwinan terdiri daripada 7 seksyen, yang secara umum hanya mengandungi dua perkara, iaitu:

- Keharusan pencatatan perkahwinan, perceraian dan rujuk; serta
- Penetapan petugas yang diberikan bidang kuasa melakukan pencatatan perkahwinan, perceraian dan rujuk.¹⁰

Di samping peraturan perundangan perkahwinan orang Islam di atas, di Indonesia juga mempunyai aturan perundangan tersendiri mengenai perkahwinan Kristian dan perkahwinan campuran. Undang-undang tentang perkahwinan untuk orang Kristian yang dimaksudkan tersebut adalah:

1. Undang-undang Perkahwinan Indonesia Kristian Jawa, Minahasa dan Ambon, di mana ianya berkuat kuasa atas wujudnya Ordonansi 15 Disember 1933, Staatsblad (selanjutnya akan disingkatkan dengan Stbl.) No. 74 Tahun 1933 *juncto* Stbl. No. 264 dan 370 Tahun 1938, Stbl. No. 88 Tahun 1939 dan Stbl. No. 136 Tahun 1946.

⁹ Lihat Tim Redaksi Fokusmedia (2005), *Himpunan Peraturan Perundang-undangan Tentang Kompilasi Hukum Islam*. Bandung: Fokusmedia.

¹⁰ Lihat Undang-undang No. 22 Tahun 1946 tentang Pencatatan Perkahwinan.

2. Reglemen Pencatatan Sipil bagi warga Indonesia Kristian Jawa, Madura, Minahasa dan sebagainya. Reglemen ini berkuat kuasa atas dasar daripada Stbl. 1933 No. 327 *juncto* 338, 1934 No 621 dan 622, 1936 No. 247 dan 607, 1938 No. 246 dan 370 *juncto* No. 264, dan Stbl. 1939 No. 288.
3. Peraturan tentang Perkahwinan Campuran. Peraturan ini ditetapkan atas Penetapan Raja 29 Disember 1896 No. 23. Stbl. No. 158 Tahun 1898, dir. dan dit. dg. Stbl. No. 348 Tahun 1901, Stbl. No. 31 Tahun 1902, Stbl. No. 205 Tahun 1907, Stbl. No. 30 Tahun 1918, Stbl. No. 159, No. 160 dan No. 161, No. 81 Tahun 1919 dan Stbl. No. 816, dan Stbl. No. 168 Tahun 1931 *juncto* 423.¹¹

Sekiranya perlu diketahui juga bahawa peraturan perundangan yang berkuat kuasa di Indonesia, dalam penyusunan dan pembentukannya, bersumber pada sumber pokoknya, iaitu Pancasila dan Undang-undang Dasar (UUD) Tahun 1945. Selain itu, dalam pembentukan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan juga bersumber pada peraturan perundangan tentang perkahwinan yang telah berkuat kuasa sebelum undang-undang ini, sebagaimana dijelaskan dalam penjelasan undang-undang tersebut, iaitu:

Pertama: Hukum Agama, dalam hal ini adalah hukum perkahwinan Islam atau biasa disebut juga dengan fikah *munakahat*, diperuntukkan bagi orang Indonesia asli yang beragama Islam dan warga Timur Asing yang beragama Islam.

Kedua: Hukum Adat, diperuntukkan bagi orang Indonesia asli yang tidak beragama Islam atau Kristian dan orang Timur Asing yang tidak beragama Islam.

¹¹ Lihat Hasbullah Bakry (1985), *Kumpulan Undang-undang dan Peraturan Perkawinan di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Djambatan, hlm. 85-109.

Ketiga: Kitab Undang-undang Hukum Perdata, diperuntukkan bagi orang Timur Asing Cina, orang Eropah, dan warga negara Indonesia keturunan Eropah.

Keempat: *Huwelijksordonantie Christen Indonesia*, diperuntukkan bagi orang Indonesia asli yang beragama Kristian.¹²

Selain peraturan perundangan yang telah dibukukan di atas, orang Islam Indonesia mengenal adanya hukum perkahwinan Islam atau lebih masyhur dinamakan fikah *munākaḥah*. Fikah sebagai hasil usaha penggalian dan pemahaman ulama (baca: mujtahid) terhadap nas yang terdapat di dalam al-Quran dan sunnah Nabi SAW yang bersifat '*amaliyah juz'iyah*' mendapatkan tempat sangat penting dalam merumuskan dan menyusun undang-undang, khususnya Undang-undang perkahwinan Indonesia bagi orang Islam. Sehingga ianya juga telah bersepadu pada setiap peraturan perundangan perkahwinan di Indonesia, khususnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam.

Fikah *munākaḥah* sebagai sebuah hukum agama mendapat iktiraf rasmi daripada undang-undang perkahwinan Indonesia (baca: Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan) dalam memperuntukkan perkahwinan bagi umat Islam. Hal ini terlihat daripada huraian yang terdapat dalam seksyen 2 (1) UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, yang berbunyi:

Perkahwinan adalah sah apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu.

Daripada huraian seksyen di atas nampak jelas bahawa apa yang dinyatakan sah dalam hukum perkahwinan Islam (fikah *munākaḥah*) adalah juga sah menurut undang-undang perkahwinan Indonesia. Dengan demikian, pada dasarnya tidak ada perbezaan antara hukum perkahwinan Islam dengan undang-undang perkahwinan Indonesia. Namun dengan melihat kepada materi UU perkahwinan dan dibandingkan

¹² Undang-undang Perkawinan No.1 Tahun 1974

dengan materi hukum perkahwinan Islam masih terlihat adanya perbezaan itu. Hal ini disebabkan di dalam materi UU perkahwinan hanya terdapat satu aturan sahaja, sedangkan di dalam hukum perkahwinan Islam, kerana ianya merupakan fikah, terdapat beberapa pendapat ulama yang berbeza mengenai perkara yang berkaitan dengan perkahwinan. Seperti adanya perbezaan ulama dalam mentafsirkan surah al-Māidah ayat 5 mengenai perkahwinan orang Islam dengan Ahli Kitab.

Meskipun demikian, apabila dilihat hubungan secara keseluruhan isi UU Perkahwinan Indonesia dengan beberapa pendapat ulama dalam fikah *munākaḥah* dapat diklasifikasikan sebagai berikut:

1. Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan sudah sejalan dengan hukum perkahwinan Islam yang diikuti oleh majoriti umat Islam Indonesia, iaitu Mazhab Shāfi'ī.¹³
2. Ketentuan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan Indonesia tidak terdapat di antara pendapat para fukaha mazhab mana pun dalam fikah *munākaḥah*, namun kerana ia bersifat administratif maka ketentuan itu perlu ditegaskan di dalam undang-undang. Contoh dalam hal ini adalah tentang pencatatan perkahwinan.
3. Ketentuan Undang-undang Perkahwinan diwujudkan demi untuk kemaslahatan, meski hukum perkahwinan Islam tidak menjelaskan secara tegas, seperti had minimum umur bagi pasangan yang akan berkahwin, iaitu 19 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan (seksyen 7), dan perceraian yang hanya boleh dilakukan di mahkamah (seksyen 39).

¹³ Berkuat kuasanya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan merupakan wujud kemenangan umat Islam dalam menjalankan perkahwinan yang sesuai dengan hukum perkahwinan Islam. Kerana sebelumnya, umat Islam belum dapat menjalankan secara maksimum dalam bentuk peraturan perundangan kerana kuatnya pengaruh teori “receptie” dalam perundangan Indonesia. Di mana di dalam teori itu, kedudukan hukum Islam lebih rendah daripada hukum Adat. Lihat Muhammad Daud Ali (1984), *Kedudukan Hukum Islam Dalam Sistem Hukum di Indonesia*. Jakarta: Yayasan Risalah, hlm. 27. Bandingkan dengan Hazairin (1973), *Demokrasi Pancasila*. Jakarta: Tintamas, hlm. 66.

Dari sini nampak bahawa terdapat beberapa kemungkinan pendapat ulama fikah mengenai perkahwinan Islam yang tidak atau kurang diserap di dalam Undang-undang Perkahwinan. Oleh itu, demi mewujudkan hubungan yang sinergi antara fikah *munākaḥah* dengan peraturan perundangan serta untuk memelihara kemaslahatan umat Islam dalam perkahwinan, maka disusunlah Kompilasi Hukum Islam (KHI). KHI ini disusun tidak lain adalah bermaksud untuk memperlengkapkan Undang-undang Perkahwinan yang sedia ada dengan menyerap pendapat ulama fikah dari pelbagai mazhab. Pelbagai pendapat ulama fikah yang ada tersebut diserap dan dijadikan aturan dalam perkahwinan dengan menyesuaikan keadaan umat Islam di Indonesia.¹⁴ Sehingga kewujudan pelbagai ketentuan dalam KHI merupakan produk hukum yang diserap dari pelbagai pendapat ulama fikah yang bercirikan ke-Indonesia-an.

2.2 Pengertian, Hakikat dan Prinsip-prinsip Perkahwinan

2.2.1 Pengertian Perkahwinan

Perkahwinan dari segi bahasa adalah terjemahan daripada kata bahasa Arab *nakaḥa* (نكح) yang bererti berhimpun (ضم), hubungan badan (وطء)¹⁵, dan akad (عقد)¹⁶; dan *zawaja* (زوج) yang bererti pasangan. Kedua kata inilah yang selalu dijadikan al-Quran dalam menunjukkan perkahwinan. Kata نكح dalam pelbagai bentuknya disebutkan di dalam al-Quran sebanyak 23 kali, sedangkan kata زوج dengan pelbagai bentuknya disebutkan sebanyak 80 kali. Hal ini seperti terungkap dari beberapa ayat al-Quran di bawah ini:

¹⁴ M. Karsayuda (2006), *Op.Cit.*, hlm. 96-124.

¹⁵ Ulama Hanafiyah berpendapat bahawa kata “nikah” mengandungi erti secara hakiki (sebenarnya) untuk hubungan badan, dan erti lainnya, seperti akad dalam erti *majāzī*. Lihat Ibn al-Hummām (1970), *Sharḥ Fatḥ al-Qādir*. Kairo: Mustafā al-Bābiy al-Ḥalabī, hlm. 185.

¹⁶ Pendapat mengenai maksud kata “nikah” dalam erti yang hakiki sebagai akad, dan maksud lainnya dalam erti *majāzī* disokong oleh ulama Shāfi’iyyah. Sedangkan ulama Hanābilah berpendapat bahawa kata “nikah” dapat diertikan sebagai akad dan hubungan badan dalam erti yang sebenarnya. (hakiki). Lihat Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (t.t.), *Sharḥ Minhāj al-Ṭālibīn*. Mesir: Dār Ihyā’ al-Kutub al-Kubro, hlm. 206. Lihat juga Muhammad Jawād Mughniyyah (1999), *Fiqh al-Imām Ja’far al-Ṣādiq*. Iran: Muassasah Anṣāriyyah, hlm. 3.

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ
مَتْنًى وَثَلَاثَ وَرُبْعَ^ط فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً

Maksudnya:

“Dan jika kamu takut tidak akan dapat berbuat adil terhadap (hak-hak) perempuan yang yatim (bilamana kamu mengahwininya), Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi : dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berbuat adil, Maka (kahwinilah) seorang saja”.

Surah al-Nisā’ (4) : 3

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاهَا لِكَيْ لَا يَكُونَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ
حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا

Maksudnya:

“Maka tatkala Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap isterinya (menceraikannya), kami kahwinkan kamu dengan dia supaya tidak ada keberatan bagi orang mukmin untuk (mengahwini) isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya daripada isterinya”.

Surah al-Aḥzāb (33) : 37

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّىٰ تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ

Maksudnya:

“Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak lagi halal baginya hingga dia berkahwin dengan suami yang lain”.

Surah al-Baqarah (2) : 230

Daripada ayat al-Baqarah di atas, kata “nikah” diertikan hubungan badan dan bukan hanya setakat akad.

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh ayahmu, terkecuali pada masa yang telah lampau.”

Surah al-Nisā’ (4) : 22

Ayat tersebut di atas mengandung erti bahawa perempuan yang telah berkahwin dengan ayahnya itu haram dikahwini, meskipun si ayah hanya mengadakan akad nikah sahaja dan belum berhubungan badan.

Daripada pengertian dari segi bahasa di atas dapat dikatakan bahawa perkahwinan bererti berkumpulnya dua insan yang semula terpisah dan berdiri sendiri, menjadi satu kesatuan yang utuh, rakan kongsi dan saling melengkapi satu sama lain. Ini bererti juga bahawa lelaki tanpa perempuan seakan hidup belum sempurna, dan begitu sebaliknya perempuan tanpa lelaki hidupnya terasa kurang lengkap.

Adapun perkahwinan dari segi istilah terdapat beberapa pendapat yang agak berbeza di kalangan ulama klasik dan juga pengertiannya menurut peraturan perundangan di Indonesia. Ulama golongan Shāfi'iyah memberikan rumusan bahawa yang dimaksudkan dengan perkahwinan adalah akad atau perjanjian yang mengandung maksud membolehkan hubungan badan dengan menggunakan lafaz *inkāḥ* (انكاح) atau *tazwīj* (تزويج)¹⁷. Sedangkan ulama golongan Ḥanāfiyyah memberikan erti yang hampir sama, iaitu akad yang ditentukan untuk memberi hak kepada seorang lelaki menikmati kesenangan dengan seorang perempuan secara sengaja¹⁸.

Pengertian perkahwinan yang diberikan oleh ulama klasik sebagaimana di atas dan juga di dalam beberapa kitab-kitab fikah klasik begitu pendek dan sederhana, sehingga terkesan bahawa tujuan utama dari sesebuah perkahwinan adalah berhubungan badan. Oleh itu, peraturan perundangan yang ada di Indonesia memberikan pengertian yang agak luas mengenai perkahwinan. Hal ini sebagaimana terungkap di dalam seksyen 1 UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, bahawa yang dimaksudkan perkahwinan adalah ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa. Pengertian yang diberikan oleh

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 206.

¹⁸ Ibn al-Hummām (1970), *Op.Cit.*, hlm, 185.

undang-undang perkahwinan Indonesia ini selari dengan apa yang diisyaratkan di dalam ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan mengenai perkahwinan, khususnya Surah al-Rūm (30) ayat 21 yang berbunyi:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan sayang.”

Di samping pengertian yang diberikan oleh Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tersebut, Kompilasi Hukum Islam memberikan erti lain untuk melengkapi dan menjelaskan erti perkahwinan yang telah dijelaskan di dalam undang-undang perkahwinan Indonesia, iaitu bahawa yang dimaksudkan dengan perkahwinan menurut hukum Islam adalah pernikahan, iaitu akad yang sangat kuat atau “*mīthāqan ghalīẓan*” untuk mentaati perintah Allah SWT dan melaksanakannya merupakan ibadah¹⁹.

Penggunaan kalimat “akad yang sangat kuat atau “*mīthāqan ghalīẓan*” merupakan penjelasan daripada kalimat “ikatan lahir batin” yang telah dirumuskan oleh Undang-undang Perkahwinan. KHI menggunakan kalimat itu untuk lebih menegaskan bahawa akad perkahwinan itu bukanlah setakat perjanjian biasa yang hanya untuk memenuhi syarat-syarat atau mendapat pengiktirafan perundangan, tetapi ianya merupakan perjanjian suci, kukuh dan kuat²⁰. Sedangkan kalimat “untuk mentaati perintah Allah SWT dan melaksanakannya merupakan ibadah” merupakan penjelasan dari kalimat “berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa”.

Pengertian perkahwinan sebagaimana yang telah dirumuskan oleh Kompilasi Hukum Islam (KHI) ini sejalan dengan firman Allah SWT yang berbunyi:

¹⁹ Lihat Kompilasi Hukum Islam Indonesia seksyen 2.

²⁰ Bustanul Arifin (1996), *Pelebagaan Hukum Islam di Indonesia: Akar Sejarah, Hambatan dan Prospeknya*. Jakarta: Gema Insani Press, hlm. 98.

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُم إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا

Maksudnya:

“Bagaimana kamu akan mengambilnya kembali, padahal sebahagian kamu telah bergaul (bercampur) dengan yang lain sebagai suami-isteri. Dan mereka (isteri-isteri kamu) telah mengambil daripada kamu perjanjian yang kuat”.

Surah al-Nisā’ (4) : 21

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

“Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingat kebesaran Allah.”

Surah al-Dhāriyāt (51) : 49

وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Dialah yang menciptakan berpasang-pasangan lelaki dan wanita.”

Surah al-Najm (53) : 45

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya:

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah mengembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak.”

Surah al-Nisā’ (4) : 1

Selain daripada ayat-ayat al-Quran di atas, masih banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang mengungkapkan bahawa manusia diciptakan secara berpasang-pasangan. Hal ini menunjukkan bahawa perkahwinan merupakan sunatullah, dan pelaksanaannya merupakan ibadah. Selain perkahwinan sebagai sunatullah, ianya juga merupakan sunnah Nabi SAW. Hal ini sebagaimana sabda beliau:

ولكنني اصوم و افطر واصلی و ارقد وازوج النساء من رغب عن سنتي فليس مني

Maksudnya:

“ Akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, sembahyang dan istirahat (tidur), dan menikahi wanita, siapa yang benci dengan sunahku, maka ia bukanlah termasuk umatku.”²¹

Dengan demikian, perkahwinan merupakan sunatullah dan sunnah Nabi SAW yang semestinya dilakukan oleh setiap orang Islam demi untuk beribadah kepada Allah SWT dan mengikuti sunnah Nabi SAW. Hal ini terlihat jelas daripada hadīth Nabi SAW di atas yang menegaskan bahawa sesiapa yang tidak mengikuti sunnahnya (berkahwin) maka ia tidak termasuk di dalam umat Nabi SAW.

2.2.2 Hakikat dan Prinsip Perkahwinan

Dengan melihat kepada pengertian perkahwinan di atas, nampak jelas bahawa hakikat perkahwinan adalah ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa. Ikatan yang terwujud daripada sebuah akad yang membolehkan seorang lelaki dan perempuan melakukan sesuatu yang sebelumnya tidak dibolehkan, iaitu berhubungan badan.

Bagi warga Indonesia, hakikat perkahwinan merupakan perwujudan daripada pengamalan pancasila, khasnya sila pertama yang berbunyi: “Ketuhanan Yang Maha Esa”, dan juga perwujudan daripada ketakwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Dari sini, dapat dikatakan bahawa perkahwinan mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan agama atau rohani. Sehingga perkahwinan tidak sahaja mempunyai unsur lahir atau jasmani, tetapi juga unsur batin atau rohani yang mempunyai peranan yang sangat penting.²²

²¹ Hadīth dari Anas dalam Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitab al-Nikāḥ”, hadīth no. 3403, hlm. 910; al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, “Kitab al-Nikāḥ”, hadīth no. 3219, hlm. 2295; Dalam Sunan Ibn Majjah, “Kitab al-Nikāḥ”, hadīth no. 1846, hlm. 2587 disebutkan dengan kalimat yang hampir sama, hadīth dari ‘Aisyah r.a *النكاح من سنتي فمن لم يعمل بسنتي فليس مني*. Lihat Abdul Azīz bin Jalwī (2000), *al-Kutub al-Sittah*. Riyād: Dār al-Salām.

²² Penjelasan seksyen 1 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan.

Oleh itu, pelaksanaan perkahwinan bagi warga Indonesia tidak boleh tidak harus berasaskan kehendak Tuhan Yang Maha Esa sebagaimana rumusan yang ada pada seksyen 1 UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, di mana ia lahir kerana terilhami daripada Pancasila²³. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa sah atau tidaknya perkahwinan tergantung pada hukum masing-masing agama yang diiktiraf oleh negara Indonesia²⁴.

Daripada hakikat perkahwinan di atas, dapat dijelaskan bahawa prinsip-prinsip atau asas-asas perkahwinan sebagaimana yang terkandung dalam Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan²⁵ adalah sebagai berikut:

1. Perkahwinan bertujuan untuk membentuk keluarga yang bahagia dan kekal. Untuk itu, suami isteri perlu saling membantu dan melengkapi agar masing-masing dapat mengembangkan keperibadiannya membantu dan mencapai kesejahteraan spirituil dan material.
2. Agama menentukan sahnya perkahwinan. Ini bermaksud bahawa perkahwinan adalah sah apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agama dan kepercayaannya. Di samping itu, tiap-tiap perkahwinan harus dicatat menurut peraturan perundangan yang ada.
3. Asas monogami. Ini bermaksud bahawa undang-undang ini menganut asas monogami. Namun undang-undang mengizinkan bagi suami untuk beristeri lebih dari seorang dengan syarat hukum agama yang berkenaan

²³ Bagi warga Indonesia, Pancasila adalah sumber dari segala sumber hukum, falsafah negara, dan pandangan hidup warga Indonesia. Hal ini sebagaimana ditunjukkan dalam pembukaan Undang-undang Dasar 1945 perenggan keempat.

²⁴ Di Indonesia terdapat pelbagai agama dan aliran kepercayaan. Kerana berdasarkan semangat yang ada pada seksyen 29 UUD 1945, negara menjamin kemerdekaan tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya masing-masing, dan untuk beribadat menurut agamanya dan kepercayaannya itu. Namun demikian, dalam Penjelasan Penetapan Presiden No. 1 Tahun 1965 *juncto* UU No. 5 Tahun 1969 tentang Pencegahan Penyalahgunaan dan/atau Penodaan Agama disebutkan bahawa agama rasmi penduduk Indonesia adalah agama Islam, Kristian, Katolik, Hindu, Budha, dan Konghuchu. Dalam masa Orde Baru, berkaitan dengan UU ini, Presiden Soeharto dengan Instruksi Presiden (Inpres) No. 14 Tahun 1967 tentang Agama, Kepercayaan Cina telah menghapuskan agama Konghuchu sebagai agama rasmi penduduk Indonesia. Namun kemudian pada masa Reformasi, Presiden Abdurrahman Wahid mencabut Inpres tersebut dengan Keputusan Presiden (Keppres) No. 6 Tahun 2000 sehingga agama Konghuchu kembali diiktiraf kembali sebagai agama rasmi.

²⁵ Lihat Penjelasan Umum angka 4 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan.

mengizinkan dan dengan syarat-syarat tertentu yang diterima dan diputuskan oleh mahkamah.

4. Calon suami atau isteri harus sudah siap jiwa dan raganya. Untuk itu ditentukan had minimum untuk dapat melaksanakan perkahwinan, iaitu 19 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan.
5. Membuat susah terjadinya perceraian. Untuk melaksanakan perceraian harus ada alasan-alasan tertentu serta harus dilakukan di depan sidang mahkamah.
6. Hak dan kedudukan suami isteri adalah seimbang dengan hak dan kedudukan suami. Ini bermaksud bahawa hak dan kedudukan suami isteri adalah seimbang dalam kehidupan berumah tangga mahupun dalam kehidupan bermasyarakat, sehingga dengan demikian segala sesuatu dalam keluarga dimesyuaratkan dan diputuskan bersama oleh kedua belah pihak.

Dalam hal ini, Khoiruddin Nasution menjelaskan bahawa dalam perkahwinan terdapat 5 prinsip²⁶, iaitu:

1. Mesyuarat dan demokrasi. Ini bermaksud bahawa segala perkara kehidupan dalam rumah tangga harus diputuskan dan diselesaikan berdasarkan mesyuarat suami isteri dan jika diperlukan, melibatkan seluruh ahli keluarga iaitu suami isteri dan anak-anak. Selain itu, suami isteri harus saling terbuka untuk menerima pandangan dan pendapat masing-masing. Sehingga dapat tercipta suasana keterbukaan dan tidak ada yang merasa lebih tinggi kedudukannya. Kerana suami isteri mempunyai kedudukan yang setaraf dan berkongsi.
2. Menciptakan rasa aman, nyaman dan tenteram dalam kehidupan rumah tangga. Ini bermaksud bahawa dalam kehidupan rumah tangga harus

²⁶ Khoiruddin Nasution (2005), *Hukum Perkawinan I: Dilengkapi Perbandingan UU Negara Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: Academia + Tazzaafa, hlm. 56-66.

tercipta suasana saling mencintai, saling menyayangi, dan saling melindungi.

3. Menghindari wujudnya kekerasan, sama ada kekerasan fizik mahupun psikologi.
4. Hubungan suami isteri sebagai hubungan perkongsian.
5. Keadilan. Ini bermaksud bahawa suami isteri dan atau ahli keluarga memberikan kesempatan yang sama untuk mengembangkan diri tanpa membezakan satu sama lain, terlebih lagi dibezakan berdasarkan jantina. Selain itu, setiap ahli keluarga juga harus dapat menempatkan posisi yang sepatutnya.

Selain daripada 5 prinsip perkahwinan di atas, Khoiruddin Nasution menambahkan bahawa dalam perkahwinan terdapat 3 prinsip utama, iaitu suami isteri harus saling menghargai dan menghormati; suami isteri harus saling memerlukan; dan suami isteri harus merasa tidak lengkap tanpa pasangannya.²⁷

Dengan demikian, apabila seseorang yang mahu atau telah berkahwin memahami hakikat dan mengamalkan prinsip perkahwinan sebagaimana dijelaskan di atas, maka tujuan perkahwinan untuk membentuk keluarga *sakīnah mawaddah wa rahmah* akan dapat terwujud. Pada dasarnya, perkahwinan dalam Islam adalah dimaksudkan untuk melaksanakan ajaran Islam dalam memenuhi keperluan seksual secara halal serta untuk meneruskan keturunannya yang dilaksanakan dalam suasana saling mencintai (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmah*) antara suami isteri.²⁸

Dari huraian di atas, secara umum, dapat dirumuskan bahawa perkahwinan dalam Islam sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT adalah sebagai berikut:

Pertama, Islam memandang perkahwinan sebagai sesuatu yang suci, kerana bermula daripada perjanjian khusus yang melibatkan Allah, kerananya segala sesuatu

²⁷ *Ibid.*, hlm. 67.

²⁸ Mewujudkan suasana saling mencintai dan saling kasih sayang di antara suami isteri ini sesuai dengan apa yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Rūm (30) ayat 21.

yang berkenaan dengannya diatur secara khas dan lengkap. Hal ini dapat dilihat daripada penggunaan kata “*mīthāqan ghalīẓan*” yang disebutkan al-Quran sebanyak 3 kali, iaitu pada surah al-Nisa’ (4) ayat 21, kata “*mīthāqan ghalīẓan*” digunakan untuk menunjuk perjanjian perkahwinan; pada surah al-Nisa’ (4) ayat 154, kata “*mīthāqan ghalīẓan*” digunakan untuk menunjuk perjanjian Allah dengan orang Yahudi; dan pada surah al-Ahzab (33) ayat 7, kata “*mīthāqan ghalīẓan*” digunakan untuk menunjuk perjanjian Allah dengan sejumlah Nabi.²⁹

Kedua, perkahwinan merupakan cara penghalalan terhadap hubungan antara lelaki dan wanita yang semula diharamkan, seperti memeluk, mencium dan berhubungan badan.

Ketiga, perkahwinan juga merupakan cara untuk meneruskan kehidupan umat manusia di muka bumi, secara *legal* dan bertanggung jawab. Kerana bagaimanapun juga, tanpa wujudnya penerus generasi, populasi manusia di bumi ini akan hilang.

Keempat, perkahwinan memiliki dimensi psikologi yang sangat dalam, kerana dengan perkahwinan ini kedua-dua insan, suami dan isteri, yang semula merupakan orang lain dan tidak saling mengenal, kemudian menjadi bersatu. Mereka saling memiliki, saling menjaga, saling memerlukan, saling mencintai dan saling menyayangi, sehingga terwujud keluarga yang harmoni (*sakmah*).

Kelima, perkahwinan memiliki dimensi sosiologi, kerana dengan perkahwinan seseorang memiliki status baru yang dianggap sebagai ahli masyarakat yang utuh. Dan kemudian mempunyai keturunan yang akan meneruskan kehidupan masyarakat.

2.3 Sahnya Perkahwinan

Perkahwinan adalah suatu perbuatan hukum, di mana ianya mempunyai akibat-akibat hukum. Oleh itu, sah atau tidaknya perkahwinan ditentukan oleh ketentuan

²⁹ M. Quraish Shihab (1996), *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudhu’i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan, hlm. 210. Bandingkan dengan Khoiruddin Nasution (2005), *Op.Cit.*, hlm. 24-25; dan M. Karsayuda (2006), *Op.Cit.*, hlm. 66.

yang ada pada undang-undang perkahwinan yang berkuat kuasa, iaitu Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Di dalam seksyen 2 (1) Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan dinyatakan bahawa “perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu”; dan juga penjelasan daripada seksyen 2 UU Perkahwinan ini yang berbunyi “dengan perumusan pada seksyen 2 (1), tidak ada perkahwinan di luar hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu, sesuai dengan Undang-undang Dasar 1945”.

Yang dimaksudkan dengan hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu termasuk ketentuan perundangan yang diguna pakai golongan agamanya dan kepercayaannya itu sejauh tidak bercanggah atau tidak ditentukan lain dalam Undang-undang Perkahwinan ini.

Berdasarkan seksyen 2 (1) UU Perkahwinan di atas telah jelas bahawa untuk menetapkan sah tidaknya sesebuah perkahwinan dilihat daripada sah tidaknya perkahwinan itu menurut agama-agama orang yang melaksanakan perkahwinan. Jadi bagi orang Islam tidak ada kemungkinan untuk berkahwin dengan melanggar hukum agamanya sendiri. Demikian juga bagi orang Kristian Protestan, Katolik, Hindu, Budha dan Konghucu.³⁰

Apa yang telah dijelaskan di dalam seksyen 2 (1) Undang-undang Perkahwinan mengenai sah tidaknya perkahwinan ini sangat jauh berbeza dengan apa yang ada dalam Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHPer) atau *Burgelijk Wetboek* (BW). Menurut *Burgelijk Wetboek* (BW) hubungan perkahwinan antara seorang lelaki dan wanita hanya setakat hubungan sivil (*civil marriage*), dan tidak ada hubung kait dengan hukum agama (*religius marriage*). Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 26 *Burgelijk Wetboek* (BW) yang berbunyi: “undang-undang hanya memandang soal perkahwinan hanya dalam hubungan-hubungan perdata (baca: civil)”.

³⁰ Hazairin (1975), *Tinjauan Mengenai UU Perkawinan Nomor 1 1974*. Jakarta: Tintamas, hlm. 5.

Seksyen 26 *Burgelijk Wetboek* (BW) ini diperjelas lagi dengan apa yang disebutkan dalam seksyen 1 Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian atau *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOIC), yang berbunyi “perkahwinan itu oleh undang-undang hanya diperhatikan hubungan perdatanya sahaja”. Pemisahan antara *civil marriage* dan *religious marriage* yang terdapat di dalam kedua-dua undang-undang tersebut sangat dipengaruhi oleh hukum Barat. Dan daripada seksyen 26 *Burgelijk Wetboek* (BW) dan seksyen 1 Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian atau *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOIC) di atas bermaksud bahawa perkahwinan yang tunduk kepada hukum tersebut, sah tidaknya ditentukan oleh undang-undang tersebut dan bukan oleh agama.

Dalam Islam, terlepas daripada perbezaan ulama, syarat sahnya perkahwinan adalah (1) dipenuhi semua rukun perkahwinan, yang meliputi mempelai lelaki (calon suami), mempelai wanita (calon isteri), wali nikah, dua orang saksi, dan *ṣiḡhat* ijab dan qabūl.³¹ (2) dipenuhi semua syarat perkahwinan, dan tidak melanggar perkahwinan sebagaimana yang ditentukan syarak.³²

2.4 Larangan Perkahwinan

Undang-undang Perkahwinan di Indonesia melarang perkahwinan di antara lelaki dan wanita kerana sebab-sebab tertentu. Hal ini sebagaimana disebutkan dalam seksyen 8, 9 dan 10 Undang-undang Perkahwinan ini, yang sekiranya dapat diklasifikasikan menjadi 7, iaitu:

- a. Apabila wujudnya adanya hubungan darah:
 - Perkahwinan antara lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan darah dalam garis keturunan lurus ke bawah mahupun ke atas (seksyen 8a);

³¹ Ibrahim Mayert dan Abd al Halim Hasan (1984), *Pengantar Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Garuda, hlm. 333.

³² Al-Hamdani (1989), *Risalah Nikah Hukum Perkawinan Islam*. Jakarta: Pustaka Amini, hlm. 30. bandingkan dengan seksyen 14 Kompilasi Hukum Islam di Indonesia.

- Perkahwinan antara lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan darah dalam garis keturunan menyamping, iaitu antara saudara, antara seorang dengan saudara orang tua dan antara seorang dengan saudara neneknya (seksyen 8b);
- b. Apabila wujudnya hubungan semenda:
 - Perkahwinan antara lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan semenda, iaitu mertua, anak tiri, menantu, dan ibu/bapak tiri (seksyen 8c);
- c. Apabila wujudnya hubungan susuan:
 - Perkahwinan antara lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan susuan, iaitu orang tua susuan, anak susuan, saudara susuan, dan paman/bibi susuan (seksyen 8d);
- d. Apabila wujudnya hubungan dalam perkahwinan poligami:
 - Perkahwinan antara suami dengan saudara isteri, bibi atau anak saudara isteri (seksyen 8e);
- e. Apabila wujud larangan agama:
 - Perkahwinan antara lelaki dan wanita yang mempunyai hubungan yang oleh agamanya atau peraturan lain yang berkuat kuasa dilarang berkahwin (seksyen 8f);
- f. Apabila wujudnya ikatan perkahwinan:
 - Perkahwinan antara seorang yang masih terikat tali perkahwinan dengan orang lain, kecuali mendapatkan izin dari mahkamah (seksyen 9);
- g. Apabila wujudnya perceraian dua kali:
 - Perkahwinan antara bekas suami dan bekas isteri yang telah melakukan perceraian sebanyak dua kali, sejauh hukum masing-masing agamanya

dan kepercayaannya itu dari yang bersangkutan tidak menentukan lain (seksyen 10).

Sedangkan Kompilasi Hukum Islam memberikan ketentuan yang agak luas daripada ketentuan yang ada dalam UU Perkahwinan mengenai larangan perkahwinan, meskipun pada prinsipnya hampir sama antara kedua-duanya.³³ Perbezaan itu terlihat pada aturan mengenai larangan perkahwinan yang disebabkan kerana perkahwinan berbeza agama. Di dalam UU Perkahwinan tidak disebutkan secara jelas mengenai larangan perkahwinan berbeza agama, namun di dalam KHI larangan perkahwinan berbeza agama disebutkan secara jelas dalam seksyen 40c, yang berbunyi: “Dilarang melangsungkan perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita kerana seorang wanita yang tidak beragama Islam”; dan juga seksyen 44 yang berbunyi: “seorang wanita Islam dilarang melangsungkan perkahwinan dengan seorang lelaki yang tidak beragama Islam”. Selain daripada dua seksyen tersebut, Kompilasi Hukum Islam juga menegaskan lagi pada seksyen 61 mengenai pencegahan perkahwinan, seksyen itu berbunyi: “Tidak sekufu tidak dapat dijadikan alasan untuk mencegah perkahwinan, kecuali tidak sekufu kerana perbezaan agama.”

Larangan perkahwinan menurut ketentuan UU Perkahwinan di atas pada prinsipnya hampir sama dengan ketentuan yang ada dalam hukum perkahwinan Islam. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221, surah al-Nisā’ (4) ayat 23, dan surah al-Nisā’ (4) ayat 24, iaitu:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ^ج وَلَا أَمَةً مُّؤْمِنَةً خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ
أَعْبَبْتُمْ^{لله} وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا^ج وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ
مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ^{لله} أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ
وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ

³³ Di dalam Kompilasi Hukum Islam, larangan perkahwinan di jelaskan pada seksyen 39 sampai 44.

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita hamba sahaya yang mukmin lebih baik dari pada wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu. dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya hamba sahaya yang mukmin lebih baik dari orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke surga dan ampunan dengan izin-Nya”.

Surah al-Baqarah (2) ayat 221

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ
مِّنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهُتُمُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبُكُمُ اللَّاتِي فِي حُجُورِكُم مِّنْ
نِّسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ فَإِنْ لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوا
بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ

Maksudnya:

“Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang lelaki, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusui kamu, saudara perempuan sepersusuan, ibu-ibu isterimu (mertua), anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya, (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu), dan menghimpunkan (dalam perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau.”

Surah al-Nisā' (4) : 23

وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

Maksudnya:

“Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) wanita yang bersuami, kecuali hamba-hamba yang kamu miliki”.

Surah al-Nisā' (4) : 24

Meskipun peraturan perundangan dan hukum perkahwinan Islam telah menjelaskan mengenai larangan perkahwinan, bukan berarti hal itu dapat menghalangi

seseorang yang mahu melaksanakan perkahwinan, khususnya perkahwinan dua orang yang berlainan agama. Kerana bagaimanapun juga, berdasarkan ketentuan UU perkahwinan dan jurisprudens,³⁴ mereka boleh melaksanakan perkahwinan setelah mendapat izin daripada mahkamah.

Kelemahan peraturan perundangan di Indonesia ini terlihat dari ketentuan seksyen 8f UU Perkahwinan, yang berbunyi “Perkahwinan antara dua orang yang mempunyai hubungan yang oleh agamanya atau peraturan lain yang berlaku, dilarang kahwin”. Ketentuan ini bermaksud bahawa di samping ada larangan-larangan yang secara tegas diperuntukkan oleh UU Perkahwinan dan peraturan-peraturan lainnya juga ada larangan daripada hukum masing-masing agama yang diiktiraf di Indonesia. Oleh kerana dalam UU Perkahwinan tidak ada ketentuan yang melarang perkahwinan berbeza agama, maka untuk menentukan ada atau tidaknya larangan untuk melaksanakan perkahwinan berbeza agama adalah hukum agama itu sendiri.³⁵

Akibat dari tidak diperuntukkannya perkahwinan berbeza agama secara tegas dan jelas dalam UU Perkahwinan menyebabkan wujudnya pelbagai pentafsiran tentang boleh tidaknya melaksanakan perkahwinan berbeza agama.

³⁴ Jurisprudens adalah keputusan hakim atau putusan mahkamah yang sudah mempunyai kekuatan hukum tetap dan beberapa kali dipergunakan sebagai dasar memutuskan perkara yang sejenis. Keputusan hakim mempunyai kekuatan hukum tetap setelah 7 hari pada putusan Pengadilan Negeri tidak dilakukan upaya hukum, atau 14 hari pada putusan Pengadilan Tinggi. Di Indonesia, keputusan hakim yang telah diputuskan bersifat tidak mengikat (*the persuasive force of precedent*). Lihat C.S.T Kansil (1989), *Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, hlm. 25.

³⁵ O.S. Eoh (1996), *Perkawinan Antar Agama Dalam Teori dan Praktek*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, hlm. 74.

2.5 Pencatatan Perkahwinan

Dalam perkara pencatatan perkahwinan di Indonesia,³⁶ UU Perkahwinan menentukan pada seksyen 2 (2) yang berbunyi “tiap-tiap perkahwinan dicatat menurut peraturan perundangan yang berlaku”. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa pencatatan perkahwinan itu bertujuan agar perkahwinan itu menjadi jelas, sama ada bagi yang berkahwin mahupun bagi orang lain dan masyarakat. Kerana perkara itu dapat dibaca dalam suatu surat yang rasmi dan termaktub dalam suatu daftar yang khas untuk itu, sehingga dapat dipergunakan sebagai alat bukti tertulis yang asli pada masa yang diperlukan. Dan dengan wujudnya surat bukti itu dapatlah dibenarkan atau dicegah suatu perbuatan yang lain. Perkara ini lebih ditegaskan lagi pada seksyen 5 (1) Kompilasi Hukum Islam, bahawa tujuan adanya pencatatan perkahwinan adalah agar terjamin ketertiban perkahwinan bagi masyarakat Islam. Dari sini jelas bahawa tujuan utama dari adanya pencatatan perkahwinan adalah untuk menciptakan ketertiban yang berkaitan dengan pentadbiran negara yang diharapkan akan mengarah pada terciptanya ketertiban sosial kemasyarakatan.

Daripada ketentuan yang ada pada UU Perkahwinan di atas dapat difahamkan bahawa pencatatan perkahwinan tersebut tidaklah menentukan sah tidaknya suatu perkahwinan, melainkan hanya untuk melengkapi keperluan pentadbiran negara.³⁷ Sebab, sah tidaknya suatu perkahwinan sudah dijelaskan dalam seksyen 2 (1) UU

³⁶ Di Indonesia, peraturan perundangan yang pertama kali memperuntukkan tentang pencatatan perkahwinan adalah Staatsblad 1895 atau Ordonansi Perkahwinan. Ketentuan ini merupakan saran daripada C. Snouck Hurgronje yang melihat banyak kes perkahwinan yang tidak dilaporkan. Dan selepas Staatsblad 1895 tidak digunakan lagi, ketentuan pencatatan perkahwinan diperuntukkan dalam seksyen 2 (2) UU Perkahwinan dan seksyen 5 (1) Kompilasi Hukum Islam menjelaskan tentang perlunya pencatatan perkahwinan, seksyen 2 PP No. 9 Tahun 1975 menjelaskan tentang Pegawai Pencatat Perkahwinan, dan seksyen 3 sampai dengan 9 PP No. 9 Tahun 1975 menjelaskan tentang prosedur pencatatan perkahwinan. Perbezaan daripada Staatsblad 1895 dengan peraturan perundangan selepasnya adalah dalam Staatsblad 1895 wujud ancaman hukuman bagi yang tidak mencatatkan perkahwinannya, sedangkan peraturan perundangan yang diguna pakai sekarang tidak memperuntukkan mengenai hukuman itu. Lihat secara terperinci dalam Ahmad Baso (2005), *Islam Pascakolonial: Perselingkuhan Agama, Kolonialisme, dan Liberalisme*. Bandung: Mizan, hlm. 277-278.

³⁷ K. Wantjik Saleh (1976), *Hukum Perkawinan Indonesia*. Jakarta: Ghalia Indonesia, hlm. 17. Bandingkan dengan O.S. Eoh (1996), *Op.Cit.*, hlm. 98.

Perkahwinan., iaitu bahawa perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu.

Selanjutnya, pada Bab II seksyen 2 Peraturan Pemerintah (PP) No. 9 Tahun 1975 tentang Pelaksanaan Undang-undang No. 1 Tahun 1974 menjelaskan tentang pencatat perkahwinan. Dalam seksyen tersebut dan pelbagai peraturan perundangan lainnya yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri dan Menteri Agama menyebutkan bahawa bagi mereka yang melaksanakan perkahwinannya menurut agama Islam, pencatatan perkahwinan dilakukan oleh Pegawai Pencatat Nikah, Talak dan Rujuk pada Kantor Urusan Agama. Sedangkan bagi mereka yang melaksanakan perkahwinan menurut agamanya dan kepercayaannya selain agama Islam, pencatatan perkahwinan dilakukan oleh Pegawai Pencatat Perkahwinan pada Kantor Catatan Sipil.³⁸

Dengan demikian, sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya, pencatatan perkahwinan tidaklah menentukan sah tidaknya suatu perkahwinan, begitu juga dengan lembaga atau institusi yang melakukan pencatatan perkahwinan tidak juga mempunyai bidang kuasa untuk mengesahkan perkahwinan. Kerana Institusi atau lembaga tersebut hanya mempunyai bidang kuasa melakukan pencatatan perkahwinan bagi mereka yang telah melaksanakan perkahwinan menurut agama mereka. Dan perkahwinan yang dicatat adalah perkahwinan yang sudah sah menurut agama orang yang melaksanakan perkahwinan. Jadi sahnyanya perkahwinan tetap ditentukan oleh agama orang yang melaksanakan perkahwinan.³⁹ Hal ini sesuai dengan seksyen 2 (1) UU Perkahwinan dan juga sejalan dengan Keputusan Mahkamah Agung RI No. 2147.K/Pid/1988 bertarikh 22 Julai 1991 yang menyatakan bahawa “suatu akad nikah menurut agama Islam, tanpa diawasi oleh Pegawai Pencatat Perkahwinan yang diangkat oleh Menteri Agama atau

³⁸ Mengenai bidang kuasa Kantor Catatan Sipil ditentukan dalam seksyen 1 (2) Keputusan Presiden No. 12 Tahun 1983 tentang Penataan dan Peningkatan Pembinaan Penyelenggaraan Catatan Sipil, di mana ianya hanya bertugas mencatat perkahwinan dan mengeluarkan Akta Perkahwinan bagi orang yang tidak beragama Islam. Selain itu, dalam Surat Menteri Dalam Negeri No. 893.3/1558/PUOD bertarikh 17 April 1989 tentang Pelaksanaan Tindak Lanjut Job Training Catatan Sipil disebutkan bahawa Kantor Catatan Sipil berfungsi sebagai pencatat dan bukan mengesahkan perkahwinan.

³⁹ Suparman Usman (1995), *Perkawinan Antar Agama dan Problematika Hukum Perkawinan di Indonesia*. Serang: Saudara Serang, hlm. 31.

pegawai yang ditunjuk olehnya, adalah tetap sah, asalkan nikah tersebut memenuhi aturan syariat Islam”.

Daripada perkara di atas, persoalan akan menjadi semakin bercelaru ketika melihat ketentuan yang ada di dalam seksyen 6 (1) dan (2) Kompilasi Hukum Islam, yang berbunyi “untuk memenuhi ketentuan dalam seksyen 5, setiap perkahwinan harus dilaksanakan di hadapan dan di bawah pengawasan Pegawai Pencatat Nikah”, dan ayat 2 berbunyi “perkahwinan yang dilakukan di luar pengawasan Pegawai Pencatat Nikah tidak mempunyai kekuatan hukum”. Di dalam ketentuan tersebut dapat difahamkan bahawa secara implisit pencatatan perkahwinan menjadi syarat sahnya perkahwinan menurut peraturan perundangan dan hukum perkahwinan Islam. Padahal syarat sahnya perkahwinan yang terangkum dalam rukun perkahwinan menurut Mazhab Shāfi’ī, mazhab yang diikuti majoriti umat Islam Indonesia, dan seksyen 14 KHI adalah adanya calon suami, adanya calon isteri, adanya wali, adanya dua orang saksi, dan ijab qabūl. Jadi, melihat realiti ketentuan KHI yang berbeza dengan ketentuan hukum perkahwinan Islam mengenai syarat sahnya perkahwinan di atas, maka bagi orang Islam yang melaksanakan perkahwinan dengan memenuhi syarat-syarat perkahwinan dalam ketentuan hukum Islam tanpa adanya pencatatan, perkahwinan tersebut tetaplah sah.

Melihat perkara di atas ada tiga pendekatan yang boleh digunakan untuk melihat secara arif ada tidaknya percanggahan ketentuan peraturan perundangan dan hukum perkahwinan Islam mengenai pencatatan perkahwinan. Pendekatan pertama dengan menggunakan pendekatan sejarah, melalui pendekatan ini dapat diketahui bahawa tidak adanya pencatatan perkahwinan di dalam kitab-kitab fikah lebih disebabkan tingginya amanah umat Islam pada masa perumusan kitab-kitab itu dalam menjaga perkahwinan sesuai dengan tujuannya, dan bukan untuk sesuatu yang memudaratkan pihak-pihak tertentu. Kedua, pendekatan kaedah *fiqhiyyah* ما لا يتم الواجب

الا به فهو واجب, (tiada sempurna suatu kewajipan kecuali dengan sesuatu, maka adanya

sesuatu itu menjadi wajib hukumnya), maksudnya adalah ketentuan yang ada di dalam peraturan perundangan merupakan bahagian daripada penyempurnaan kualiti perkahwinan. Kerana tiada sempurna sebuah perkahwinan tanpa adanya pencatatan, maka adanya pencatatan menjadi wajib hukumnya.

Ketiga, pendekatan *maṣlaḥah*, dengan menggunakan pendekatan ini dapat difahami bahawa pada prinsipnya agama wujud adalah untuk mendatangkan kemaslahatan bagi kepentingan umum (*raḥmatan lil ‘ālamīn*), bukan kemaslahatan bagi satu atau beberapa orang dalam masa tertentu. Jadi, tidak wujudnya pencatatan perkahwinan pada masa ulama fikah menulis kitab boleh jadi kerana pendapat mereka sesuai untuk kemaslahatan umat Islam masa itu, tetapi belum tentu sesuai untuk kemaslahatan umat Islam masa sekarang. Apalagi pada masa sekarang, realiti di Indonesia berdasarkan fakta yang telah ada, bahawa perkahwinan tanpa adanya pencatatan akan membawa kemudaratn bagi pihak isteri, seperti ditinggal suami tanpa tanggung jawab yang jelas.⁴⁰

Daripada ketiga pendekatan yang telah diuraikan sekiranya cukup jelas apabila dikatakan bahawa pencatatan perkahwinan adalah perkara yang mesti dilakukan oleh orang yang melaksanakan perkahwinan guna mendapatkan pengiktirafan secara rasmi dari negara. Jadi, meskipun pencatatan perkahwinan bukan merupakan perkara yang menentukan sah tidaknya perkahwinan, tapi ianya merupakan perkara yang mutlak dilakukan oleh seseorang yang melaksanakan perkahwinan guna menyempurnakan kualiti perkahwinannya dengan bentuk wujudnya pengiktirafan daripada negara. Dengan kata lain, agama menentukan sahnya perkahwinan, dan pencatatan perkahwinan menentukan pengiktirafan perkahwinan yang dilaksanakan. Jadi, kedua-duanya merupakan perkara yang saling berhubung kait dan tidak boleh dipisahkan satu sama lain dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

⁴⁰ Imam Syaukani (2006), *Rekonstruksi Hukum Islam Indonesia dan Relevansinya Bagi Pembangunan Hukum Nasional*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, hlm. 254-255.